



## **JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

---

### **PROSEDUR OPERASI STANDARD PILIHAN RAYA KAMPUS AKIBAT PANDEMIK COVID-19 POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

\*\*SOP ini dibaca bersekali dengan Garis Panduan Pilihan Raya Kampus Politeknik dan Kolej Komuniti (PolyCC) Edisi 2021

## **ISI KANDUNGAN**

1.0	TUJUAN .....	3
2.0	LATAR BELAKANG.....	3
3.0	PROSEDUR OPERASI STANDARD PASCA COVID-19 BAGI PELAKSANAAN PILIHAN RAYA POLYCC.....	4
3.1	Taklimat Petugas Pilihan Raya .....	4
3.2	Penamaan Calon .....	5
3.2.1	Wakil Calon.....	7
3.3	Tempoh Berkempen.....	7
3.4	Hari Mengundi.....	8
3.5	Penjumlahan Rasmi Undi.....	10
3.6	Perubahan dan Pindaan Prosedur Operasi Standard .....	11
	<i>LAMPIRAN 1 (A)</i> .....	12
	<i>LAMPIRAN 1 (B)</i> .....	13

## **1.0 TUJUAN**

Prosedur ini bertujuan menerangkan dengan lebih jelas tindakan yang perlu di ambil perhatian dan penekanan oleh pihak pengurusan Politeknik dan Kolej Komuniti berkenaan pelaksanaan Pilihan Raya Kampus (PRK) rentetan penularan wabak pandemik COVID-19 dan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB), Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di negara ini.

## **2.0 LATAR BELAKANG**

Penularan wabak pandemik COVID-19 di Malaysia telah memberi kesan kepada semua sektor termasuk sektor pendidikan. Dalam usaha memerangi pandemik COVID-19, semua pihak perlu mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) atau mana-mana pihak berkuasa berkaitan pengurusan pandemik.

Susulan daripada SOP Pengurusan Operasi Institusi Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan wabak COVID-19 yang diwartakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti telah mengeluarkan Garis Panduan Pengurusan Pengoperasian Institusi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Wabak COVID-19 bagi Politeknik dan Kolej Komuniti pada 29 Jun 2020. Terkini, MKN telah mewartakan SOP Sektor Pengajian Tinggi yang merangkumi semua kawasan Perintah Kawalan Pergerakan berkuatkuasa pada 8 Januari 2021. Sehubungan itu, Garis Panduan ini bertindak sebagai panduan tambahan yang lebih memfokuskan kepada pelaksanaan Pilihan Raya Kampus di Politeknik dan Kolej Komuniti.

Pelaksanaan PRK diadakan bertujuan melestarikan pendidikan politik dan demokrasi di peringkat institusi. PRK merupakan satu proses pemilihan Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) yang dilaksanakan di Politeknik dan Kolej Komuniti. Proses pemilihan JPP dilaksanakan pada setiap tahun dengan

persetujuan Pengarah institusi merangkap Ketua Eksekutif mengikut peruntukan Seksyen 7 Bahagian III, Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tata tertib) 1976 [Akta 174].

### **3.0 PROSEDUR OPERASI STANDARD PASCA COVID-19 BAGI PELAKSANAAN PILIHAN RAYA POLYCC**

Garis Panduan ini terpakai bagi pelaksanaan pilihan raya di kampus dalam tempoh pandemik COVID-19. Pengarah institusi mempunyai kuasa mutlak dalam menentukan kaedah pelaksanaan pilihan raya di Politeknik dan Kolej Komuniti masing-masing. Walau bagaimanapun, **kaedah pelaksanaan secara dalam talian atau melalui sistem amat digalakkan** bagi mengekang penularan wabak pandemik daripada berterusan.

Kaedah pelaksanaan PRK secara bersemuka perlu diadakan dengan SOP yang diperketatkan. Bagi Institusi yang berada dalam **KAWASAN PKPB DAN PKPP SAHAJA DIBENARKAN** melaksanakan proses PRK **SECARA BERSEMUKA.**

#### **3.1 Taklimat Petugas Pilihan Raya**

Sesi taklimat dan latihan akan diberikan kepada petugas-petugas pilihan raya yang telah dilantik oleh \*Pengurus Pilihan Raya bagi melaksanakan pilihan raya.

\*Pegawai HEP Kebajikan dan Disiplin (Politeknik)

\*Pegawai Pembangunan Pelajar (Kolej Komuniti)

Tindakan	Penerangan
<b>Kawalan Kehadiran</b>	Jumlah keseluruhan peserta, penceramah dan urus setia bagi setiap sesi adalah tertakluk kepada kesesuaian kapasiti ruang/tempat dengan penjarakan fizikal bergantung kepada saiz tempat taklimat / latihan dengan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter.
<b>Taklimat Secara Dalam Talian (<i>Online</i>)</b>	<p>a. Taklimat/latihan berkenaan pelaksanaan pilihan raya dan COVID-19 akan disampaikan oleh Pengurus Pilihan Raya kepada petugas pilihan raya secara dalam talian (<i>online</i>).</p> <p>b. Bagi peserta yang tidak dapat turut serta taklimat/latihan secara dalam talian, bahan taklimat/latihan akan dikongsi kepada peserta melalui <i>hardcopy</i> atau <i>softcopy</i>.</p>

### 3.2 Penamaan Calon

Bagi proses penamaan calon secara bersemuka, terdapat beberapa perkara/aktiviti yang perlu dipatuhi merangkumi semua urusan sebelum, semasa dan selepas hari penamaan calon:

Tindakan	Penerangan
<b>Kawalan Kehadiran</b>	<p>a. Menghadkan bilangan laluan masuk ke Tempat Penamaan Calon (TPC) (laluan urus setia, laluan calon/pencadang/penyokong dan laluan petugas pilihan raya)</p> <p>b. Kawalan kehadiran:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jumlah maksimum kehadiran di dalam dewan TPC adalah tertakluk kepada saiz dewan TPC dengan mengamalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter;</li> </ul>

Tindakan	Penerangan
	<p>ii. Hanya calon dan pencadang sahaja dibenarkan masuk ke dalam TPC untuk mengemukakan dokumen penamaan calon.</p> <p>iii. Penyokong <b>TIDAK DIBENARKAN</b> hadir ke TPC. Aktiviti berkumpul dan perarakan oleh penyokong calon juga <b>TIDAK DIBENARKAN</b> di mana-mana kawasan atau ruang sepanjang Hari Penamaan Calon.</p>
<b>Saringan Suhu Badan</b>	<p>a. Semua yang hadir di TPC perlu menjalani saringan suhu badan di pintu masuk utama TPC sebelum dibenarkan untuk masuk ke perkarangan TPC.</p> <p>b. Individu (selain salah seorang daripada calon atau pencadang) yang mempunyai suhu badan melebihi <math>37.5^{\circ}\text{C}</math>, bergejala seperti batuk, sakit tekak atau sesak nafas adalah <b>TIDAK DIBENARKAN</b> memasuki perkarangan/dewan TPC dan perlu meninggalkan TPC dengan segera.</p> <p>c. Individu berkenaan juga perlu segera dirujuk ke pusat kesihatan yang berdekatan dengan kadar segara untuk mendapatkan rawatan lanjut.</p>
<b>Calon Atau Pencadang Yang Bergejala</b>	<p>a. Calon atau pencadang yang bergejala hendaklah diasing dan ditempatkan di khemah khas dengan serta-merta.</p> <p>b. Petugas pilihan raya perlu ditempatkan di khemah khas bagi urusan penerimaan dokumen penamaan calon dan proses sanitasi bersesuaian dilakukan.</p> <p>c. Petugas yang terlibat mengendalikan individu bergejala hendaklah mematuhi prosedur yang telah ditetapkan serta lengkap berpakaian "Kelengkapan Perlindungan Diri" (KPD) atau <i>Personal Protective Equipment (PPE)</i> sepanjang mengendalikan individu berkenaan.</p>

Tindakan	Penerangan
	<p>d. Petugas pilihan raya akan mengambil gambar dokumen penamaan calon dan kemudiannya dihantar kepada petugas di dalam dewan TPC untuk tindakan seterusnya.</p> <p>e. Selepas selesai urusan penamaan calon, individu bergejala akan dirujuk kepada pusat kesihatan berdekatan untuk tindakan lanjut.</p>

### 3.2.1 Wakil Calon

Bagi kes calon yang bergejala dan tidak dapat hadir semasa hari penamaan calon, mereka perlu mematuhi tindakan-tindakan berikut:

- i. Melantik wakil calon yang merupakan pelajar aktif di institusi calon bertanding. Wakil calon boleh menjalankan tugas yang berkaitan dengan pilihan raya **KECUALI** untuk berkempen, menghadiri tempat mengundi dan tempat kiraan undi.
- ii. Mengisi Borang Pelantikan Wakil Calon seperti di **Lampiran 1 (A)** dan/atau **Lampiran 1 (B)** dan menyerahkan kepada Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus

### 3.3 Tempoh Berkempen

Kaedah yang digunakan sepanjang tempoh berkempen sama ada secara dalam talian atau bersemuka adalah seperti berikut:

Kaedah	Tindakan/Penerangan
<b>Pidato/Syarahan / Kempen Menggunakan Media Masa dan Media Cetak</b>	<p>a. Calon perlu mendapatkan permit/lesen/kebenaran daripada urus setia pilihan raya untuk berkempen dengan tertakluk kepada peraturan/keperluan semasa ketika berkempen.</p>

Kaedah	Tindakan/Penerangan
	<p>b. Calon <b>TIDAK DIBENARKAN</b> berkempen secara bersemuka bagi mengekang penularan wabak COVID-19.</p> <p>c. Calon boleh mengaplikasikan penggunaan teknologi dalam tempoh berkempen selaras dengan “Norma Baharu” yang perlu diamalkan rentetan pandemik COVID-19.</p> <p>d. Calon boleh menggunakan aplikasi media sosial dan lain-lain aplikasi sebagai alat untuk berkempen namun perlu mendapat kebenaran daripada Pengurus Pilihan Raya terlebih dahulu.</p>
<b>Pemasangan Bunting / Banner dan Pengedaran Pamflet</b>	<p>a. Calon <b>DIBENARKAN</b> untuk memasang <i>banner</i>, dan <i>bunting</i> di kawasan pilihan raya. Semua <i>banner</i>, <i>banting</i>, <i>pamphlet</i> perlulah mendapat kelulusan urus setia pilihan raya sebelum diedarkan.</p> <p>b. Calon juga <b>DIBENARKAN</b> untuk mengedarkan <i>pamphlet</i> secara bersemuka di sekitar kawasan kampus dengan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter, sentiasa memakai pelitup muka atau <i>face mask</i>, dan <b>TIDAK DIBENARKAN</b> bersentuhan atau bersalaman di antara calon/wakil dengan penghuni kampus.</p>

### 3.4 Hari Mengundi

**Pengundian secara dalam talian atau melalui sistem amat digalakkan** bagi mengekang penularan wabak pandemik daripada berterusan.

Bagi kaedah pengundian secara kiraan manual, terdapat beberapa perkara/aktiviti yang perlu dipatuhi semasa proses pengundian berjalan:

Tindakan	Penerangan
<b>Kawalan Kehadiran</b>	<p>a. Menghadkan bilangan laluan masuk ke Tempat Mengundi (TM) bagi tujuan kawalan (laluan urusetia, laluan pengundi dan laluan petugas pilihan raya)</p> <p>b. Kawalan kehadiran adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jumlah maksimum kehadiran di dalam dewan TM adalah tertakluk kepada saiz dewan TM dengan mengamalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter;</li> <li>ii. Kehadiran bagi semua yang hadir ke TM perlu direkodkan.</li> </ul>
<b>Saringan Suhu Badan</b>	<p>a. Pengundi yang hadir di TM perlu menjalani saringan suhu badan di pintu masuk utama TM sebelum dibenarkan untuk masuk ke perkarangan TM.</p> <p>b. Individu yang mempunyai suhu badan melebihi <math>37.5^{\circ}\text{C}</math>, bergejala seperti batuk, sakit tekak atau sesak nafas <b>TIDAK DIBENARKAN</b> memasuki perkarangan/dewan TM dan perlu meninggalkan TM dengan segera.</p> <p>c. Individu berkenaan juga perlu segera ke pusat kesihatan yang berdekatan dengan kadar segara untuk mendapatkan rawatan lanjut.</p>
<b>Pengundi Yang Bergejala</b>	<p>a. Pengundi yang bergejala hendaklah diasing dan ditempatkan di khemah khas dengan serta-merta.</p> <p>b. Pengundi perlu menggunakan peralatan pakai buang bagi proses mengundi.</p> <p>c. Pengundi <b>WAJIB</b> memakai sarung tangan pakai buang sebelum memegang kertas undi.</p> <p>d. Petugas pilihan raya perlu ditempatkan di khemah khas bagi urusan pengundian dan proses sanitasi bersesuaian dilakukan.</p>

Tindakan	Penerangan
	<p>e. Petugas pilihan raya yang terlibat ditempatkan dihemah khas bagi mengendalikan pengundi yang bergejala.</p> <p>f. Petugas berkenaan hendaklah mematuhi prosedur yang telah ditetapkan serta lengkap berpakaian "Kelengkapan Perlindungan Diri" (KPD) atau <i>Personal Protective Equipment (PPE)</i> sepanjang mengendalikan individu berkenaan.</p> <p>g. Petugas perlu membuat sanitasi tangan sekerap yang mungkin (dengan memakai sarung tangan) setiap kali berurusan dengan pengundi yang bergejala.</p> <p>h. Proses sanitasi perlu dilakukan setiap kali pengundi bergejala selesai melakukan tugas mereka.</p> <p>i. Selepas selesai urusan mengundi, pengundi yang bergejala akan dirujuk ke pusat kesihatan berdekatan untuk tindakan lanjut.</p>

### 3.5 Penjumlahan Rasmi Undi

Semua aktiviti semasa penjumlahan rasmi undi dan pengumuman keputusan pilihan raya adalah seperti berikut:

Tindakan	Penerangan
<b>Kawalan Kehadiran</b>	<p>a. Menghadkan bilangan laluan masuk ke pusat penjumlahan undi bagi tujuan kawalan.</p> <p>b. Penggunaan media dalam talian bagi tujuan pengiraan undi adalah digalakkan.</p>
<b>Undian atas Talian</b>	<p>a. Jumlah undi perlu dikemaskini setiap masa.</p>

### **3.6 Perubahan dan Pindaan Prosedur Operasi Standard**

Pengurus Pilihan Raya perlu sentiasa mengambil maklum kepada perubahan dan arahan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) atau mana-mana pihak berkuasa berkaitan pengurusan pandemik semasa pelaksanaan pilihan raya.

**LAMPIRAN 1 (A)**

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT	
<input type="checkbox"/>	Tidak Diterima
<input type="checkbox"/>	Diterima
<hr/>	
Tandatangan Pegawai Pengurus Masa diterima :	

**BORANG PELANTIKAN WAKIL CALON  
PILIHAN RAYA KAMPUS 2021  
PEMILIHAN MAJLIS/JAWATANKUASA PERWAKILAN  
PELAJAR**

Pemilihan Kerusi Jabatan bagi Jabatan:

Nama Calon : \_\_\_\_\_  
(Nama seperti kad pengenalan dan ditulis dengan huruf besar)

Jabatan : \_\_\_\_\_

Saya yang bertandatangan di bawah ini, calon bagi Jabatan tersebut di atas menamakan penama di bawah sebagai wakil bagi pihak saya menurut Garis Panduan Pilihan Raya Kampus Politeknik dan Kolej Komuniti bagi Pemilihan Majlis/Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Sesi 2020:

Nama dalam huruf besar	No. Kad Pelajar	Sila tandakan (✓) di ruangan berkenaan			Tandatangan
		Majlis Pengenalan calon	Tempat Mengundi	Mengira Undi	

Saya dengan ini bersetuju dengan penamaan di atas adalah wakil pemilihan saya.

Tarikh: \_\_\_\_\_

Tandatangan Calon: \_\_\_\_\_

**LAMPIRAN 1 (B)**

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT	
<input type="checkbox"/>	Tidak Diterima
<input type="checkbox"/>	Diterima
-----	
Tandatangan Pegawai Pengurus Masa diterima :	

**BORANG PELANTIKAN WAKIL CALON  
PILIHAN RAYA KAMPUS 2021  
PEMILIHAN MAJLIS/JAWATANKUASA PERWAKILAN  
PELAJAR**

Pemilihan Kerusi Umum bagi Jabatan : \_\_\_\_\_

Nama Calon : \_\_\_\_\_  
*(Nama seperti kad pengenalan dan ditulis dengan huruf besar)*

Jabatan : \_\_\_\_\_

Saya yang bertandatangan di bawah ini, calon bagi Kerusi Umum Jabatan di atas menamakan penama di bawah sebagai wakil bagi pihak saya menurut Garis Panduan Pilihan Raya Kampus Politeknik dan Kolej Komuniti bagi Pemilihan Majlis/Jawatankuasa Perwakilan Pelajar Sesi 2020:

Nama dalam huruf besar	No. Kad Pelajar	Sila tandakan (✓) di ruangan berkenaan			Tandatangan
		Majlis Pengenalan calon	Tempat Mengundi	Mengira Undi	

Saya dengan ini bersetuju dengan penamaan di atas adalah wakil pemilihan saya.

Tarikh: \_\_\_\_\_

Tandatangan Calon: \_\_\_\_\_